

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	8 APRIL 2015

# MCA yakin penuh pentadbiran Najib

BH  
- 8/4/2015

» Fokus kepada pembangunan negara bersama UMNO, BN

Oleh Mohd Hamizar Hamid  
dan Mohd Azrone Sarabatin  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**epemimpinan MCA mengulangi pendirian menyokong penuh pentad-

biran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan akan mempertahankan kepemimpinannya dalam mendepani kritikan.

**Bersama bangun negara**  
Presiden MGA, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata fokus parti itu sebagai komponen BN adaJah bersama-sama UMNO dalam membangunkan negara.

"Kami memberi sokongan penuh kepada Najib (selaku Pengerusi BN dan Presiden UMNO). Kami sangat fokus kepada pembangunan negara bersama UMNO dan BN serta

tidak membenarkan sebarang serangan menggugat pendirian kami membina negara ini," katanya kepada media di lobi Parlimen, semalam.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengkritik Najib menerusi laman blog beliau *chedet.cc*, dilaporkan berkata, UMNO dan BN akan kalah jika Najib menerajui parti dan pentadbiran kerajaan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Kelmarin, Ahli Parlimen BN menyuarakan sokongan padu kepada kepemimpinan Najib yang dikritik Dr Mahathir.



“ Kami memberi sokongan penuh kepada Najib (selaku Pengerusi BN dan Presiden UMNO)”

**Liow Tiong Lai,**  
Presiden MCA